

Berita Harian 06 June 2018



Fakta nombor

premium dicapai ketika prapelancaran Takaful Mulia

Dari kiri; Gary, Rafe bersama Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Malaysia, Raymond Lew dan Fikri pada pelancaran Takaful Mulia di Kuala Lumpur, semalam.

CIMB Islamic sasar RM10 juta premium

Takaful Mulia dilancarkan eksklusif buat pelanggan Muslim

Oleh Sri Ayu Kartika Amri kartika@nstp.com.my

IMB Islamic Bank Bhd (CIMB Islamic), melancarkan produk takaful terbarunya, Takaful Mulia, sekali gus mengunjurkan lebih RM10 juta premium akan dilanggan menjelang akhir tahun

ini. Ketua Serantau Pengurusan Kekayaan CIMB Bank Berhad, Gary Yong, berkata, pihaknya yakin jumlah itu dapat dicapai beriku-tan pada prapelancaran Takaful Mulia, sebanyak RM3 juta premium

telah dilanggan.

teian dilanggan.
Katanya, Takaful Mulia ada-lah penyelesaian takaful terbaru yang dibangunkan eksklusif untuk CIMB Islamic oleh rakan banca takafulnya, Sun Life Malaysia Takaful Bhd.

"Takaful Mulia unik dan menjadi polisi takaful pertama yang direka khas untuk pelanggan Muslim.

Reka untuk

keka untuk pelanggan Muslim "Kami percaya produk seumpama ini akan mendapat perrinitaan dalam kalangan pelanggan yang mencari perlindungan takaful kom-

prehensif dengan pelbagai manfa-at," katanya pada sidang media selepas pelancaran Takaful Mulia di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Perbankan CIMB Isla-mic, Rafe Haneef dan Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Malaysia, Muhammad Fikri Mohamad Rawi. Rafe berkata, Takaful Mulia dibangunkan secara eksklusif

untuk memberi manfaat perlin-dungan kematian, hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD), simpanan, wakaf, zakat, fidyah, umrah dan haji. Menurutnya, Takaful Mulia juga

produk inovatif vang menggabung kan keupayaan dan memenuhi kerohanian pelanggan dalam men-cari perancangan kewangan berlan-

cari perancangan kewangan benan-daskan syariah. Antara manfaat tersedia terma-suk 3.0 peratus daripada jumlah sumbangan akan diserahkan ke-pada badan wakaf, 2.5 peratus bagi pusat zakat serta bayaran RM1,000 sebagai fiduah atau sedakah sebagai fidyah atau sedekah.

Sementara itu, mengulas mengenai pasaran sukuk negara, Rafe menjangkakan Malaysia akan kekal menjadi pengeluar sukuk utama iaitu kira-kira 50 peratus daripada jumlah sukuk global.